

02 APR 2001

Mahathir-Kelantan

DR MAHATHIR LAWAT KELANTAN SABTU INI

KOTA BAHARU, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan sehari ke Kelantan pada Sabtu ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata Perdana menteri dijadual tiba di Gua Musang dari Ipoh, Perak dengan sebuah helikopter pada pukul 10 pagi.

Sejurus tiba beliau akan merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Gua Musang di Balai Rakyat Bukit Chekati, Gua Musang, katanya kepada Bernama ketika dihubungi di Kuala Lumpur hari ini.

Umno bahagian Gua Musang diterajui oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Annuar berkata Perdana Menteri akan menikmati jamuan tengah hari di Bukit Chekati pada pukul 1 tengah hari.

Beliau berkata Dr Mahathir kemudian akan berlepas menggunakan helikopter yang sama ke Tanah Merah untuk perjumpaan khas dengan pemimpin cawangan dan bahagian Umno Bahagian Tanah Merah dan Jeli di Sekolah Menengah Teknik di Tanah Merah pada pukul 3 petang.

Perdana Menteri kemudian berlepas ke Kota Bharu bagi menghadiri majlis makan malam dan perjumpaan khas dengan biro politik kesemua 14 bahagian Umno Kelantan di dewan Bangunan Umno Negeri pada pukul 8.30 malam, katanya.

Beliau berkata Perdana menteri dijadual berlepas pulang dengan pesawat khas melalui Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa pada pukul 10.45 malam.

-- BERNAMA

BD AKD